

# Harimau Malaya dapat perhatian luar

Beberapa negara kini mula buka mata untuk menguji pasukan Malaysia



PASUKAN negara perlu menggunakan tempoh setahun untuk melakukan persiapan rapi bagi mengelak menjadi mangsa buli.

**Oleh Syazwan Msar**  
mohdsyazwan@hmetro.com.my.

**Kuala Lumpur**

**K**ehidupan skuad Harimau Malaya melangkah ke Piala Asia 2023 baru-baru ini membuka mata beberapa negara untuk menguji kemampuan pasukan kendalian Kim Pan-gon dalam tempoh terdekat ini.

Malah, skuad Harimau Malaya sebelum ini yang kurang mendapat perhatian kini boleh dikatakan sudah mula menjadi perhatian apabila mendapat undangan untuk menyertai perlawanan jempitan membabitkan beberapa pasukan yang berada di ranking lebih baik.

Situasi terbabit diakui Setiausaha Agung Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Saifuddin Abu Bakar apabila ketika ini skuad Harimau Malaya sudah mendapat beberapa undangan daripada pihak tertentu untuk men-

yertai perlawanan jempitan sebaik selesai perlawanan kelayakan Piala Asia 2023 baru-baru ini.

Enggan mendedahkan secara terperinci berkaitan perlawanan jempitan itu, Saifuddin berkata, pihaknya belum lagi membuat keputusan berkaitan situasi berkenaan kerana mahu berbincang terlebih dahulu bersama Pan-gon mengenai perancangan pengendali terbabit.

“Sekarang ini, kita menyerahkan kepada Pan-gon untuk menentukan bagaimana mahu melakukan persediaan rapi membabitkan skuad Harimau Malaya sebelum menyertai kejohanan Piala Asia tahun depan.

“Apa yang boleh saya katakan, sejak kita berjaya menempah tiket ke Piala Asia, terdapat pihak tertentu menjemput Harimau Malaya untuk menyertai perlawanan jempitan yang dianjurkan mereka.

“Mungkin perlawanan terbabit akan diadakan pada



*Sekarang ini, kita menyerahkan kepada Pan-gon untuk menentukan bagaimana mahu melakukan persediaan rapi membabitkan skuad Harimau Malaya sebelum menyertai kejohanan Piala Asia tahun depan”*

**Saifuddin**

kalender Persekutuan Bola-sepak Antarabangsa (Fifa) pada September depan. FAM perlu mengambil kira segala aspek termasuklah mengadakan perbincangan bersama Liga Bolasepak Malaysia (MFL) kerana tidak mahu mengganggu perjalanan liga kerana ketika itu kelab sudah pastinya membuat persediaan mengharungi Piala Malaysia,” katanya, ketika

dihubungi Arena Metro.

Terdahulu, Arena Metro melaporkan Harimau Malaya akan menggunakan tempoh kira-kira setahun untuk melakukan persiapan rapi bagi mengelak menjadi mangsa buli kepada pasukan besar di kejohanan Piala Asia 2023.

Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin menjelaskan pihaknya akan berbincang dengan Pan Gon mengenai perancangan yang harus dilakukan dalam mempersiapkan skuad Harimau Malaya yang lebih mantap.

Beliau berkata, persiapan itu termasuk mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan yang lebih besar dan tidak lagi boleh menumpukan kepada lawan dari rantau Asia Tenggara.

Selain itu, terdapat juga cadangan supaya skuad kebangsaan cuba mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan dari Eropah sebagai persiapan ke Piala Asia tahun depan.